



JABATAN BURUH
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BAB 112, PERINTAH PEKERJAAN, 2009

SENARAI SEMAK BORANG LPA **LD5** –
MEMBAHARUI PEKERJA BAGI MAJIKAN YANG
BELUM MENGGUNAKAN LPA

***PERINGATAN: SEBARANG PERMOHONAN YANG TIDAK LENGKAP DIISIKAN DAN TIDAK MENYERTAKAN DOKUMEN-
DOKUMEN YANG DIPERLUKAN TIDAK AKAN DITERIMA**

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN	
1) Borang Permohonan Lesen Pekerja Asing (2 salinan). BORANG HENDAKLAH DIISIKAN DENGAN JELAS MENGGUNAKAN HURUF BESAR	7) Pengesahan 'Mandatory Registration' dari Job Centre Brunei.
2) Salinan Kad Pengenalan/Passport bagi semua Pemohon/Pemilik/Rakan Kongsi Syarikat	8) Salinan Perjanjian Penyewaan (<i>Tenancy Agreement</i>) bagi Pejabat/Tempat Perniagaan/Perusahaan dan Tempat Tinggal pekerja (bagi yang berkenaan). (2 salinan)
3) Salinan Passport yang masih sah bagi pekerja-pekerja asing yang dipohonkan	9) Salinan BUR 500/ BUR 555 yang masih sah dan terkini bagi semua pekerja asing yang masih dalam jaminan.
4) Salinan Sijil Pendaftaran Borang X / Bab 16 & 17 (<i>Company Registration</i>) (2 salinan)	10) Salinan Lesen Pengambilan Pekerja Asing (Kuota) /Lesen Pekerja Asing
5) Salinan-salinan surat kebenaran/sokongan daripada Jabatan-Jabatan yang berkenaan (Jika berkenaan)	11) Bagi kegiatan pembinaan, hendaklah menyertakan salinan projek yang sedang/akan dijalankan.
6) Senarai Pekerja Tempatan yang telah disahkan oleh Tabung Amanah Pekerja (TAP).	12) Salinan Resit Banci Pekerja dan Majikan 2016
*Jika menggunakan perkhidmatan Agensi Pekerjaan yang berdaftar, sila sertakan salinan Kad Wakil Agensi Pekerjaan yang menguruskan permohonan.	

SYARAT-SYARAT PEKERJA ASING YANG DIPOHONKAN

- 1) Pekerja Asing yang diambil hendaklah berumur minima 18 tahun dan maksima 55 tahun.
- 2) Pekerja Asing dalam kategori separa mahir, mahir dan Professional hendaklah mempunyai kelayakan dan kelulusan bersesuaian dengan jawatan yang dipohonkan.
- 3) Pekerja Asing yang hendak diambil bekerja hendaklah *fit for employment* dan menjalani pemeriksaan kesihatan di pusat kesihatan yang diiktiraf di Negara ini nanti
- 4) Pekerja Asing yang dipohonkan hendaklah pekerja baru iaitu bukan pekerja asing yang masih berada di Negara ini dan bukan pekerja yang masih dalam jaminan syarikat lain.

SYARAT-SYARAT BAGI PEMOHON/MAJIKAN/SYARIKAT

- 1) Majikan/Syarikat yang memohon hendaklah syarikat yang sah berdaftar di ROCBN dan mempunyai kebenaran kegiatan yang dipohonkan.
- 2) Permohonan LPA hendaklah melalui Agensi Pekerjaan yang berlesen dan berdaftar di Jabatan Buruh.
- 3) Majikan hendaklah berdaftar di *Job Centre* Brunei dan TAP sebelum membuat permohonan Lesen Pekerja Asing.
- 4) Jumlah pekerja asing yang dipohonkan hendaklah tidak melebihi kadar peratus/nisbah pekerja tempatan dan asing (NTA) mengikut industri yang telah ditetapkan.
- 5) Hendaklah menyediakan wang taruhan secara Tunai atau Jaminan Bank atau Jaminan Insuran/Takaful Pekerja Asing (JITPA) bagi setiap pekerja asing yang digaji sepanjang pekerja tersebut bekerja di Negara ini.
- 6) Hendaklah melindungi pekerja asing yang didatangkan dengan Insuran Pampasan Pekerja (*Workmen's Compensation Insurance*) dan Insuran Perubatan (*Medical Insurance*) dan diserahkan ke Jabatan ini semasa menandatangani kontrak.
- 7) Hendaklah menyediakan tempat tinggal pekerja yang bersesuaian (*Tenancy Agreement* diperlukan).
- 8) Hendaklah menyediakan kontrak perkhidmatan secara bertulis diantara majikan dengan pekerja asing yang akan ditandatangani di Jabatan Buruh.
- 9) Bertanggungjawab untuk mengawasi dan mengawal keselamatan dan keberadaan pekerja asing berkenaan di negara ini serta mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan di negara ini.
- 10) Mematuhi syarat-syarat/peraturan-peraturan yang lazimnya dikenakan oleh Jabatan Buruh dan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan bagi mendatangkan pekerja asing di negara ini.
- 11) Hendaklah telah menyediakan kelengkapan perniagaan yang lengkap dan teratur selaras dengan kebenaran kegiatan yang dipohonkan.
- 12) Majikan hendaklah menyertakan senarai pekerja tempatan terkini yang berdaftar dan mendapat caruman TAP.
- 13) Majikan hendaklah HANYA menempatkan pekerja bekerja di tempat yang telah dibenarkan oleh Jabatan Buruh dan Majikan hendaklah dinilai sebagai 'fit and proper employer' menurut penilaian Jabatan Buruh.
- 14) LPA akan dibatalkan jika didapati majikan tidak mematuhi syarat-syarat di atas dan syarat-syarat lesen yang telah ditetapkan apabila pemeriksaan dilakukan oleh Unit Pemeriksaan, Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang.



JABATAN BURUH
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BAB 112, PERINTAH PEKERJAAN, 2009

**JUMLAH PEKERJA
 TEMPATAN & ASING
 DI DALAM SYARIKAT**

T		A	
---	--	---	--

PJB/

A. MAKLUMAT SYARIKAT

BILANGAN RUJUKAN MAJIKAN:

Nama Syarikat / Majikan Berdaftar:

Alamat Persuratan / Tempat
Perniagaan /Kegiatan Perusahaan:

Jenis Kegiatan/Aktiviti Perniagaan:

Nama
Pemilik:

Alamat
Tempat
Tinggal
Pekerja:

B. MAKLUMAT PEKERJA ASING YANG DIPOHONKAN:

BIL	NAMA PEKERJA	JANTINA		JAWATAN	GAJI	NEGARA	TARIKH LAHIR (DD/MM/YYYY)	NO. PASPOT
		L	P					
1								
2								
3								
4								
5								

C. PENGAKUAN MAJIKAN (Pengakuan ini hendaklah diisikan sendiri oleh majikan)

Sesungguhnya dengan ini saya mengaku bahawa segala maklumat yang diberikan di dalam borang ini adalah betul dan benar. Jika didapati maklumat yang telah diberikan tidak benar/tidak betul, maka Lesen Pekerja Asing yang diberikan akan dibatalkan. Saya bertanggungjawab untuk mematuhi segala kehendak Perintah Pekerjaan 2009 termasuk Bab 114, yang menghendaki saya selaku majikan untuk menghantar pekerja asing dibawah jaminan itu pulang ke negeri asalnya atas perbelanjaan saya sendiri.

Saya juga selaku majikan akan **HANYA MENEMPATKAN** pekerja saya bekerja di alamat perniagaan yang tertera seperti di atas.

Tarikh :

.....

Tandatangan Pemohon / Majikan

Nama :

Jawatan :

No. KPP :No.Tel.....

RUJUKAN PJB ASAL:

TEMPOH KEBENARAN LESEN PEKERJA ASING

TARIKH LESEN PEKERJA ASING DIKELUARKAN :

LESEN PEKERJA ASING SAH SEHINGGA :

Bp.Pesuruhjaya Buruh

D. MAKLUMAT AGENSI PEKERJAAN BERDAFTAR YANG MENGURUSKAN (BAGI YANG MENGGUNAKAN AGENSI PEKERJAAN)

1. Nama Agensi Pekerjaan

2. No. PJB/LAP

3. No. Telefon Bimbit

No Tel Pejabat

4. No. Faks

Tarikh :

.....

Tandatangan Wakil Agensi dan Cop Agensi Pekerjaan

Nama Wakil :

Jawatan Wakil:

UNTUK KEGUNAAN JABATAN SAHAJA

TARIKH
PENERIMAAN

BILANGAN RUJUKAN
MAJIKAN

Disahkan dan diteliti oleh:

.....

KERANI PENELITIAN

Tarikh:

SYARAT- SYARAT

1. Majikan mengaku akan mengganti rugi kepada Kerajaan Negara Brunei Darussalam terhadap sebarang perbelanjaan apa jua pun berhubung dengan kemasukan, sara hidup, perumahan, rawatan perubatan atau penghantaran balik pekerja itu.

Dengan sesungguhnya dia selanjutnya berjanji, jika dikehendaki berbuat demikian oleh Pesuruhjaya Buruh, untuk mempertaruhkan/memberi jaminan sebanyak tidak lebih dari \$.....bagi tiap-tiap seorang pekerja, terhadap tanggungan untuk perbelanjaan- perbelanjaan yang tersebut.

2. Majikan berjanji akan memberitahu Pesuruhjaya Buruh secara bersurat dalam tempoh 48 jam dari pemberhentian seseorang pekerja asing itu.

3. Pekerja asing yang diambil untuk bekerja di bawah lesen ini hendaklah diambil menurut kontrak bertulis di bawah fasal V Akta Buruh dan hendaklah mengemukakan kontrak-kontrak mereka kepada Pesuruhjaya untuk disaksikan dengan tandatangan menurut bab 20 Akta Buruh.

4. Syarat-syarat yang berikut hendaklah dianggap akan dipakai dalam tiap-tiap perjanjian dengan pekerja asing yang diambil di bawah lesen ini:

(1) Majikan berjanji memberi pekerjaan kepada pekerja itu yang sesuai dengan kebolehnya dengan pendapatan yang tidak kurang dari yang lazim untuk jenis pekerjaan yang ianya diambil bekerja.

(2) Majikan akan menyediakan untuk pekerja itu dan tanggungan-tanggungan yang tinggal bersama-samanya di Negara Brunei Darussalam, perumahan, langkah-langkah kebersihan dan rawatan serta penyediaan perubatan (termasuklah pemeliharaan dan rawatan di rumah sakit) secara yang dikehendaki oleh Penggal X dari Akta Buruh, dan Penggal tersebut hendaklah dianggap akan dipakai terhadap tiap-tiap tempat pekerjaan di mana pekerja asing digajikan.

(3) Majikan akan, jika diminta, memberi dengan percuma kepada pekerja itu kemudahan-kemudahan untuk mengirim wang kepada keluarganya di negeri asalnya atau di tempat dia diambil.

(4) Majikan hendaklah setelah pekerja-pekerja asing yang datang dari Malaysia menamatkan pekerjaan mereka menghantar mereka balik ke tempat pengambilan jika didatangkan dari luar Negeri atau jika diambil dalam Negeri menghantar mereka ke pengkalan Imigresen Negara Brunei Darussalam di sempadan negeri mereka dengan syarat bahawa Pesuruhjaya boleh membebaskan majikan daripada tanggungan-tanggungan ini di atas permintaan atau dengan persetujuan pekerja menurut bab 26(4) dan 26(5) atau bab 97 Akta Buruh.

(5) Majikan hendaklah menentukan dalam semua pengambilan pekerja-pekerja asing bahawa surat-surat keterangan mereka untuk masuk ke Negara Brunei Darussalam dan bekerja di Negeri ini adalah sad pada tarikh pengambilan dan semasa menjalankan pekerjaan.

5. Lesen ini akan dibatalkan:-

(1) Sekiranya ada kegagalan untuk mematuhi sebarang syarat-syarat ini; atau

(2) Sekiranya majikan didapati sabit dalam kesalahan di bawah Akta Imigresen, 1957, atau sebarang Akta bertulis yang mengawal syarat-syarat pekerjaan; atau

(3) Sekiranya majikan didapati berkelakuan salah yang pada pendapat Pesuruhjaya dia adalah orang yang tidak layak lagi memenganya.

CATATAN

(1) Tiada sesiapa pun *dengan setahunya* mengambil sebarang pekerja asing kecuali setelah dia mendapat kebenaran untuk berbuat demikian dari Pesuruhjaya Buruh (Bab 118). (Penerima lesen ini dengan ini mempunyai pengetahuan bertulis tentang kebenaran yang dikehendaki ini).

(2) Merujuk kepada Syarat 3 di atas sesuatu perjanjian itu dibuat bagi satu tempoh yang ditetapkan, biasanya bagi dua tahun atau tiga tahun bergantung sama ada pekerja disertai oleh keluarganya (perjanjian bagi 3 tahun dibenarkan) atau tidak (semaksimanya perjanjian 2 tahun). Walaubagaimanapun, adalah perlu (bab 24, 28 dan 96) bahawa pekerja-pekerja di luar kepulauan Borneo, khususnya yang datang dari negeri-negeri jauh seperti India atau Pakistan, di mana terdapat halangan untuk masuk semula kerana berakhirnya tarikh passport mereka, hendaklah dihantar pulang pada penghujung tempoh dua atau tiga tahun ini di atas perbelanjaan majikan. Pekerja tersebut hendaklah dihubungkan semula dengan keluarganya atau dengan negeri kediamannya. Lesen-lesen pekerja asing akan dibatalkan jika terdapat kegagalan untuk menjalankan kehendak Konvensyen Buruh Antarabangsa ini sebagaimana termaktub dalam Akta Buruh.

(3) Lesen ini diberikan kepada diri tuan, dan hanya kepada tuan sahaja sebagai majikan pekerja-pekerja asing yang dinyatakan di atas. Pemindahan pekerjaan atau perjanjian hanya boleh dijalankan menurut bab 25. Ini menghendaki persetujuan pekerja di hadapan Pesuruhjaya Buruh atau Timbalannya dan tandatangan pengesahan pemindahan tersebut ke atas perjanjian oleh Pesuruhjaya. Pesuruhjaya hendaklah memastikan bahawa pekerja tersebut sebenarnya dengan kemahuannya sendiri bersetuju dengan pemindahan itu tanpa paksaan, salah pernyataan atau pengaruh yang tidak sepatutnya; bahawa syarat-syarat Pemindahan Perjanjian kepada majikan kedua tidak kurang faedahnya kepada pekerja dan bahawa majikan kedua ialah orang yang layak untuk menggaji pekeja asing. Borang Pemindahan Perjanjian yang berkenaan boleh didapati dari Pejabat Buruh. Kegagalan untuk menjalankan pemindahan dengan cara ini akan menyebabkan lesen dibatalkan.

E. MAKLUMAT PEKERJA TEMPATAN

BIL.	NAMA PEKERJA	NOMBOR RUJUKAN TAP	JANTINA		KELULUSAN	NOMBOR KAD PINTAR	TARIKH LAHIR	JAWATAN	GAJI YANG DITAWARKAN
			L	P					

* SILA SERTAKAN LAMPIRAN TAMBAHAN JIKA RUANGAN TIDAK MENCUKUPI

F. MAKLUMAT PEKERJA ASING DALAM JAMINAN

BIL.	NAMA PEKERJA	NOMBOR PASSPORT	TARIKH LAHIR	JANTINA		KELULUSAN	WARGANEGARA	TARIKH MANSUH JAMINAN/ PAS KERJA	JAWATAN	GAJI YANG DITAWARKAN
				L	P					

* SILA SERTAKAN LAMPIRAN TAMBAHAN JIKA RUANGAN TIDAK MENCUKUPI